

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Jawapan Soalan 1

(a) Nyatakan lima elemen (komponen) penyata kewangan.

Bil.	Elemen (Komponen) Penyata Kewangan
1.	Aset
2.	Liabiliti
3.	Ekuiti Pemilik
4.	Hasil
5.	Belanja

(b) Nyatakan elemen (komponen) penyata kewangan yang betul bagi setiap pernyataan yang diberikan di bawah:

Pernyataan	Elemen (Komponen) Penyata Kewangan
1. Tanggungan perniagaan yang perlu dijelaskan pada tempoh masa hadapan	Liabiliti
2. Baki aset selepas ditolak liabiliti	Ekuiti Pemilik
3. Pembiayaan aset perniagaan dengan sumber dalaman perniagaan	Ekuiti Pemilik

(c) Nyatakan dua perkara yang akan menambahkan ekuiti pemilik perniagaan dan dua perkara yang akan mengurangkan ekuiti pemilik perniagaan.

Dua perkara yang akan menambahkan ekuiti pemilik perniagaan:
1. Tambahan modal oleh pemilik ke dalam perniagaan
2. Hasil yang dijana daripada aktiviti perniagaan

Dua perkara yang akan mengurangkan ekuiti pemilik perniagaan:
1. Ambilan dilakukan oleh pemilik
2. Belanja yang terlibat bagi menjalankan aktiviti perniagaan.

(d) Berikan komponen penyata pendapatan dan penyata kedudukan kewangan sesebuah perniagaan:

Komponen Penyata Pendapatan	Komponen Penyata Kedudukan Kewangan
1. Hasil	1. Aset
2. Belanja	2. Liabiliti
	3. Ekuiti Pemilik